

Kunjungan Hormat Y.Bhg. Dato' Naib Canselor UUM Terhadap Y.B. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 17 Ogos 2011 16:51

Kepada: UUM - All Staff

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC); Mohamad Ezanee b. Yazid

Lampiran-lampiran:  image004.jpg (32 KB);



17 Ogos 2011 / 17 Ramadhan 1432 H


=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Kunjungan Hormat Y.Bhg. Dato' Naib Canselor UUM Terhadap Y.B. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

NCRC Online : Naib Canselor UUM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak telah membuat kunjungan hormat terhadap Y.B. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Y.B. Dato' Seri Hj. Mohd Shafie B. Hj. Apdal di pejabatnya pada 15 Ogos 2011 yang lalu. Kunjungan hormat ini diadakan bagi membincangkan program-program yang akan diadakan oleh UUM bagi Program 3 Kolej 3 Daerah (3K3D) bagi Tahun 2011-2013 Sempena Program Menteri Mentor : 1 IPTA 1 Menteri.

Y.B. Dato' Seri Hj. Mohd Shafie B. Hj. Apdal merupakan Menteri Mentor kepada UUM yang mana program ini adalah sebagai salah satu platform untuk Y.B Menteri mendekati pelajar dan komuniti Institusi Pengajian Tinggi serta bersama masyarakat demi manfaat bersama.



Matlamat utama program 3K3D ini ialah untuk membangunkan tahap sosioekonomi penduduk di tiga buah daerah termundur di negeri Kedah agar daerah tersebut dapat mengecapi tahap kehidupan yang baik dan selesa demi kesejahteraan masyarakat setempat. Tiga daerah yang terlibat di dalam program ini ialah Sik (UUM COLGIS), Baling (UUM COB) dan Padang Terap (UUM CAS).

Hasil daripada kunjungan hormat dan perbincangan tersebut, Y.B. Dato' Seri Hj. Mohd Shafie memberi pandangan bahawa program-program yang direncanakan oleh UUM adalah sangat baik dan akan memberi impak yang positif dan berkesan. Seterusnya ini dapat mengubah masyarakat setempat agar menjadi lebih maju dan berdaya saing pada masa akan datang dan sekaligus keluar daripada kepompong kemiskinan.